

## **Ucapan Perasmian**

**YB DATO' SRI HAJI FADILLAH BIN HAJI YUSOF**  
**Menteri Kerja Raya**

**Sempena Majlis Perasmian**  
**Seminar on Traffic Management at Work Zone – Meeting Mobility**  
**and Safety Needs**

**6 Mac 2018**  
**(Selasa)**

**Dewan Tan Sri Mahfoz Khalid, Kompleks Kerja Raya**

---

Terima kasih saudari Pengerusi Majlis

***Salutations (akan disediakan pada hari majlis)***

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh,

Salam Sejahtera, Salam Negaraku Malaysia dan Salam Sehati Sejiwa.

1. Terlebih dahulu sukacita saya memanjatkan kesyukuran ke hadrat Allah S.W.T dengan limpah izin dan inayah-nya, maka kita dapat bersama – sama berhimpun pada pagi yang mulia ini. Selawat dan Salam ke atas junjungan besar Nabi Muhammad SAW, ahli keluarga serta para sahabat baginda.
  
2. Saya ingin mengucapkan setinggi – tinggi terima kasih kepada pihak pengajur kerana menjemput saya untuk merasmikan program **Seminar on Traffic Management at Work Zone** yang bertemakan **Meeting Mobility and Safety Needs**.

## **PERANAN KEMENTERIAN KERJA RAYA**

Hadirin yang dihormati sekalian,

3. Pembangunan infrastruktur jalan raya adalah penting bagi memastikan rakyat mempunyai akses kepada kemudahan asas, peningkatan tahap produktiviti serta penambahbaikan penyampaian perkhidmatan yang berkaitan.
4. Pelan Strategik Organisasi, Kementerian Kerja Raya turut menekankan aspek peningkatan keselamatan dan keselesaan infrastruktur selain menyokong misi Kementerian untuk menyediakan pembangunan infrastruktur yang berkualiti dan lestari.
5. Kementerian Kerja Raya melalui Jabatan Kerja Raya merupakan tonggak utama negara di dalam menerajui usaha kerajaan memantapkan sektor pembangunan infrastruktur melalui kepakaran teknikal industri pembinaan.

## **CABARAN DAN KEPERLUAN PELAKSANAAN PENGURUSAN TRAFIK DI ZON KERJA**

6. Pembangunan infrastruktur adalah salah satu kayu pengukur kepada kedudukan kekuuhan dan pembangunan sesebuah negara. Di dalam konteks ini, Malaysia juga tidak terkecuali dalam mendapat sorotan berterusan yang tertumpu kepada pembangunan rangkaian jalan raya, lebuh raya dan prasarana lain.

7. Di dalam menyediakan infrastruktur yang menyeluruh dan inklusif, impak negatif pelaksanaan projek ke atas pengguna jalan raya perlu dimitigasikan melalui pelaksanaan pengurusan trafik di kawasan kerja yang efektif dan berkesan. Disamping itu, dapat menjamin keselamatan dan keselesaan pengguna jalan raya sepanjang tempoh pembinaan.
8. Lantaran itu, di dalam melaksanakan sesuatu projek yang melibatkan jalan raya sama ada membina jalan baru, menaiktaraf jalan sedia ada ataupun melaksanakan kerja senggara rutin; penglibatan secara langsung pengguna jalan raya sebagai *stakeholder* tidak dapat dielakkan.
9. Ledakan media sosial turut merubah lanskap komunikasi dan penyampaian maklumat agensi Sektor Awam. Penggunaannya yang meluas dan mudah menjadikannya satu platform yang amat popular di kalangan pengguna jalan raya untuk menularkan isu-isu berkaitan dengan jalan raya.
10. Antara *touch point* yang menjadi isu utama adalah mobiliti (*mobility*) dan keselamatan (*safety*) serta keselesaan (*riding comfort*) sepanjang tempoh pembinaan atau semasa kerja dilaksanakan. Menyedari hakikat ini, Kementerian Kerja Raya telah mengarahkan agensi-agensi dibawahnya mengambil tindakan inisiatif penambahbaikan pengurusan trafik di kawasan kerja.
11. Antara output utama yang dihasilkan melalui beberapa siri pertemuan dengan pengiat industri, kontraktor, perunding serta profesional yang

berkaitan adalah penerbitan Spesifikasi 19: Traffic Management at Work Zones dan penambahbaikan Arahan Teknik Jalan iaitu *Manual on Traffic Control Devices – Temporary Sign and Work Zone Control* atau lebih dikenali dengan ATJ 2C/85.

12. Penerbitan Spesifikasi 19 ini akan memperkasakan pelaksanaan pengurusan trafik di kawasan kerja serta dijilidkan di dalam Dokumen Kontrak. Penyusunan semula Arahan Teknik Jalan 2C/85 Pin. 2017 pula adalah selaras dengan penerbitan Spesifikasi 19 yang bermula dari peringkat perancangan, perolehan dan pelaksanaannya di tapak.
13. Tambahan pula terdapat penambahbaikan dari segi rekabentuk papan tanda sementara, rekabentuk peralatan kawalan trafik (traffic control devices) serta kaedah pengiraan kuantiti berdasarkan pelan susun atur tipikal yang disertakan bersama.
14. Dengan pelancaran Arahan Teknik Jalan: *Manual on Traffic Control Device – Temporary Sign and Work Zone Control* iaitu ATJ 2C/85 Pin. 2017 ini, serta Spesifikasi Seksyen 19: Traffic Management at Work Zones sebentar lagi, adalah menjadi harapan saya agar pengiat-pengiat industri menekankan penggunaan teknologi terkini di dalam pengurusan trafik di kawasan kerja sejajar dengan amalan terbaik berdasarkan kepada budaya pemanduan tempatan.

#### **PENEKANAN ASPEK KESELAMATAN DALAM CITP**

15. Program Transformasi Industri Pembinaan (CITP) 2016 – 2020 melalui empat (4) Teras Strategik Utama iaitu Kualiti, Keselamatan

dan Profesionalisme, Kemampuan Alam Sekitar, Produktiviti dan Pengantarabangsaan akan mentransformasikan industri pembinaan ke arah industri yang lebih produktif, mampan, selamat, berkualiti, profesional dan berdaya saing di peringkat antarabangsa. Ekosistem sektor pembinaan digerakkan oleh kontraktor, penyedia perkhidmatan hulu dan hiliran, bahan binaan dan modal insan akan dapat mempercepatkan pembangunan sektor industry yang mensasarkan penajaan nilai projek sebanyak RM140 billion pada tahun 2018.

16. Dibawah Teras Produktiviti, Kementerian sedang membangunkan *Highway Information Modelling* (HIM) yang akan mengintegrasikan *Building Information Modelling* (BIM) dan *Geospatial Information System* (GIS) dalam fasa rekabentuk lebuh raya.
17. Pembangunan HIM telahpun dimulakan pada tahun 2017 dengan projek Pan Borneo Sarawak dijadikan sebagai projek perintis pembangunan HIM ini. Selain itu, pembangunan sistem pengurusan aset yang akan menggabungkan *Computerised Maintenance Management System* (CMMS) dan *Highway Deterioration Management System* (HDMS) bagi fasa penyenggaraan lebuh raya akan bermula pada tahun 2019. Insya Allah, jika penggunaan HIM bagi Pan Borneo siap kelak, KKR mempunyai penggunaan HIM yang terpanjang di dunia bagi satu-satu projek jalan raya.
18. Berdasarkan *brochure* mengenai seminar ini yang telah diedarkan, saya melihat komuniti penggerak pelaksanaan Arahan Teknik Jalan dan pelaksanaan *Traffic Management Plan* ini terdiri daripada Kerajaan Negeri, Pihak Berkuasa Tempatan (PBT), penggubal dasar

dan pembuat keputusan, penaja, profesional, pengamal industri, pengurus perkhidmatan, perunding dan kontraktor. Saya berharap dengan adanya seminar seperti ini setiap kumpulan sasaran mendapat manfaat dari segi pengetahuan baru tapi juga akan meningkatkan kemahiran sekaligus membantu KKR mencapai sasaran CITP terutamanya yang berkaitan dengan keselamatan di tapak bina, *Occupational Safety and Health (OSH)*, QLASSIC dan SHASSIC.

## **PEMBANGUNAN INFRASTRUKTUR MEMBERI MANFAAT KEPADA RAKYAT**

19. Pelaksanaan projek pembangunan terutamanya projek jalan raya memberikan kesan berganda terhadap pelbagai program pembangunan harta tanah, perindustrian dan perbandaran. Penyediaan kombinasi prasarana yang mantap dan mampan telah dijadikan asas Bajet 2018 yang mengangkat tema “**MEMAKMUR EKONOMI YANG INKLUSIF, MENGIMBANG KEUNGGULAN DUNIAWI DAN UKHRAWI DEMI MENSEJAHTERA KEHIDUPAN RAKYAT, MENUJU ASPIRASI TN50**”. Kata kunci tema iaitu “Memakmur Ekonomi”, “Inklusif” dan “Mensejahtera Kehidupan Rakyat” ini telah, sedang dan akan menjadi tonggak Kementerian Kerja Raya dalam menyediakan dan memastikan infrastruktur yang disediakan ampuh dalam memenuhi kehendak rakyat serta menjadi tonggak kepada pembangunan negara. Infrastruktur dan kemudahan ini bukan hanya akan dapat memberikan akses kepada penduduk sekitar tetapi membantu pelaburan berimpak tinggi industri yang berdasarkan

eksport sejajar dengan matlamat Program Transformasi Ekonomi (ETP) sektor swasta sebagai “**engine of growth**”.

## **PENUTUP**

Hadirin yang dihormati sekalian

20. Saya percaya peranan kita sebagai satu komuniti pembinaan yang memberi impak kepada rakyat serta terlibat secara langsung dengan pembangunan infrastruktur negara akan sentiasa memastikan amalan pengurusan trafik sewaktu pembinaan kekal relevan seiring dengan kemajuan negara seperti kata **ELEANOR EVERETT ‘SAFETY IS NOT A GADGET BUT A STATE OF MIND’**.

21. Akhir kata, dengan lafaz bismillahirrahmanirrahim saya dengan ini merasmikan **Seminar on Traffic Management at Work Zone**.

Sekian, wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

Terima kasih.